

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100–6/4 Jld 3 (41)

11 Februari 2026

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2026

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA DENGAN PELANTIKAN PENERUSI GANTI
DALAM JAWATANKUASA PENENTUAN TEKNIKAL UNIVERSITI (JKTU),
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai penambahbaikan proses kerja dengan pelantikan Pengerusi Ganti dalam Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti (JKTU) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Bendahari Bil. 1/2020, mengenai Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah merupakan rujukan kepada semua Pusat Tanggungjawab dalam menguruskan proses perolehan termasuk berkaitan dengan kaedah, tatacara dan proses kerja perolehan secara sebut harga dan tender yang dilaksanakan di Universiti bagi memastikan pengurusan perolehan secara tender dilaksanakan dengan sebaiknya dan kepentingan Universiti sentiasa terjaga.
- 2.2 Berdasarkan pekeling ini juga, semua permohonan pembelian bernilai melebihi RM100,000.00 hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti sebelum naskah sebut harga dan tender diiklankan.
- 2.3 Pekeliling Bendahari Bil. 1/2020, Bab 4 mengenai Tender, Perkara 4.6.2 menerangkan berkenaan keahlian Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkeelayakan dalam bidang berkaitan dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2025 yang bersidang pada 15 Disember 2025 telah meluluskan penambahbaikan proses kerja dengan pelantikan Pengerusi Ganti dalam Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti (JKTU) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA DENGAN PELANTIKAN PENERUSI GANTI DALAM JAWATANKUASA PENENTUAN TEKNIKAL UNIVERSITI (JKTU)

3.1 Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti (JKTU)

Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkeelayakan dalam bidang berkaitan dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor dan Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan sebagai ahli dan Pengerusi Ganti yang dilantik oleh Naib Canselor.

3.2 Pengerusi Ganti ini hanya akan mempengerusikan mesyuarat sekiranya Pengerusi asal berhalangan dan tidak dapat mempengerusikan pada masa yang telah ditetapkan atau dijadualkan.

3.3 Perubahan dalam keahlian JKJU ini, ianya tidak akan merubah perkara, proses kerja atau terma lain dalam Pekeliling Bendahari Bil. 1/2020.

4.0 KUATKUASA SURAT PEKELILING

4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

4.2 Sekiranya terdapat perbezaan peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeling khusus ini, maka peraturan yang digariskan melalui Pekeling Bendahari Bil. 1/2020 yang sedang berkuat kuasa adalah terpakai.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"
"MALAYSIA MADANI"

Yang benar,


ISMAIL BIN HARON
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
7050

- s.k. - YBhg. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh
 - Ketua Unit Audit Dalam